

Mentorship latih bakal graduan UPM

SERDANG (27 Jul) – Tidak dapat dinafikan lagi graduan masa kini terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dan persaingan dalam pemilihan pekerjaan. Melihatkan senario ini, Pusat Perkhidmatan Kerjaya dan Alumni (PPKA) dengan kerjasama Persatuan Alumni UPM mengambil inisiatif untuk menganjurkan Program Mentorship bermula semester ini.

Program yang bertujuan membantu pelajar dalam pelajaran dan pemilihan peluang pekerjaan ini berlangsung dua minggu sekali bermula dari 15 Julai sehingga 26 Ogos, baru-baru ini. Program tersebut akan disambung dimasa-masa akan datang.

Pensyarah-pensyarah dan alumni dari dalam dan luar UPM memainkan peranan sebagai mentor dalam program ini.

Secara umumnya, Mentoring ialah hubungan antara seorang pemuda dengan dewasa dimana dewasa tersebut menawarkan sokongan dan panduan apabila pemuda tersebut mengharungi jangka-masa yang susah melangkah ke arena baru dalam pengalaman atau menjadi teladan



Peserta program Mentorship mendengar taklimat yang disampaikan Dr. Rohani.

untuk memperbetulkan kesalahannya pada peringkat awal lagi.

Menurut Pengarah PPKA, Prof. Madya Dr Rohani Ibrahim, program ini adalah salah satu khidmat UPM kepada bakal graduan dalam usaha menjalani diskusi bersama alumni untuk menerokai kerjaya masing-masing.

Pada masa yang sama, pelajar pula berpeluang me-

nerima nasihat dan cadangan daripada mentor mengikut realiti masa kini.

“Pada asasnya program ini merupakan aktiviti minum petang yang menyediakan platform interaksi kepada pelajar UPM untuk berkongsi pengalaman dan pencapaian bersama Alumni tanpa dikenakan sebarang bayaran,” ujarinya lagi.

Program yang berlangsung pada hari pertama men-

dapat sambutan yang menggalakkan di mana 40 pelajar menyertainya di bawah kendalian 15 mentor.

Diharapkan usaha positif seperti ini menjadi kaedah yang bersesuaian dengan peranan universiti sebagai pusat pendidikan berterusan ke arah merintis jalan untuk meneroka ilmu dalam pelbagai bidang bagi menangkis ancaman globalisasi.

12.08.200